

TEKS UCAPAN YANG BERUSAHA TUAN Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD MEWAKILI YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF, YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI SEMPENA HARI KELUARGA ANTARABANGSA PERINGKAT SEBERANG PERAI PADA 15 MEI 2016 JAM 7.30 PAGI DI KOMPLEKS SUKAN DAN REKREASI MPSP SPT JALAN BETEK BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Pengacara Majlis

Y.B. Puan Chong Eng
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti

Yang Dihormati
Ahli-Ahli Majlis MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahhiwabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Pada pagi ini saya amat bergembira dan berbesar hati kerana bersama-sama dengan komuniti Seberang Perai serta keluarga tercinta di dalam suasana yang harmoni dan ceria bagi menjayakan Hari Keluarga Antarabangsa Peringkat Seberang Perai di Kompleks Sukan dan Rekreasi MPSP SPT Jalan Betek, Bukit Mertajam.

Hari Keluarga Antarabangsa yang telah diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1993 diraikan pada 15 Mei setiap tahun. Hari ini mencerminkan kepentingan hubungan komuniti antarabangsa kepada keluarga dan memberi peluang untuk memupuk kesedaran mengenai isu-isu yang berkaitan dengan keluarga dan meningkatkan pengetahuan tentang proses sosial, ekonomi dan demografi yang melibatkan keluarga. Tema Hari Keluarga Antarabangsa Tahun 2016 ini ialah KELUARGA, KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MASA DEPAN YANG MAMPAK. Saya berharap agar kita akan bersama-sama menghayati dan mengamalkan tema Hari Keluarga Antarabangsa ini. Semoga kerjasama semua pihak dan golongan masyarakat dalam mewujudkan keluarga yang sihat serta masa depan yang mampan akan berterusan.

Dalam perkara yang sama, MPSP juga mengadakan aktiviti kekeluargaan untuk komuniti Seberang Perai seperti:-

- a) Hari Majlis pada bulan Julai setiap tahun,
 - b) Car Free Morning pada setiap hari ahad minggu pertama setiap bulan,
 - c) Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin pada setiap hari ahad minggu ke-3 setiap bulan dan di Taman Berjaya Nibong Tebal pada setiap hari ahad minggu ke-4 setiap bulan,
 - d) MPSP Tower Run di Bandar Perda pada setiap tahun,
 - e) Butterworth Fringe Festival(BFF) pada bulan Ogos setiap tahun
- Aktiviti kekeluargaan anjuran MPSP ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi semangat perpaduan dan kerja berpasukan serta mengeratkan lagi tali silaturrahim antara warga MPSP dan komuniti Seberang Perai di samping menggalakkan gaya hidup yang sihat.

Selain itu, satu lagi aktiviti kekeluargaan yang saya ingin memaklumkan di sini ialah Pengasingan Sisa Di Punca di Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung. Dasar berkenaan Pengasingan Sisa Di Punca ini akan dilaksanakan pada 1hb Jun 2016. Melalui dasar ini, penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa domestik. Kerja-kerja mengasingkan sampah di punca merupakan satu aktiviti kekeluargaan yang berpasukan yang dapat membantu usaha kerajaan negeri Pulau Pinang khasnya MPSP dalam meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan, meningkatkan kadar kitar semula serta mengurangkan penggunaan sumber di Seberang Perai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Di peringkat nasional sambutan Hari Keluarga yang pertama kali telah diadakan pada 11hb November 1990 di Stadium Bola Sepak, Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur. Pada masa itu, majlis sambutan tersebut dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Kemajuan Masyarakat pada masa itu.

Bagi negeri Pulau Pinang, Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa Peringkat Seberang Perai merupakan program yang julung kali dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Portfolio Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti bersama MPSP.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Kebahagiaan dalam keluarga sangatlah penting sebagai satu asas dalam pembentukkan sebuah komuniti. Walau bagaimanapun, sebagai manusia biasa adakalanya kita terlepas pandang akan tanggungjawab untuk menjaga dan mengekalkan kebahagiaan dalam rumah kita sendiri yang secara langsung boleh menyebabkan kebahagiaan keluarga semakin terhakis.

Kadang-kadang kita akan menjadi manusia paling sibuk dengan kehendak kerjaya sehingga tidak sedar betapa cepatnya masa berlalu. Namun demikian, saya percaya setiap keluarga mempunyai resepi kebahagiaan yang tersendiri. Saya juga percaya bahawa makna bahagia adalah berbeza-beza bagi setiap orang.

Usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Portfolio Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai menganjurkan program ini adalah untuk meningkatkan penglibatan komuniti di semua peringkat secara menyeluruh dan mengutamakan perspektif keluarga dalam apa juga tindakan yang diambil serta bertujuan meningkatkan kesedaran setiap ahli keluarga dalam komuniti supaya kembali memberi keutamaan kepada keluarga (back to basics) dalam setiap perancangan dan tindakan kehidupan seharian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Menzahirkan kasih sayang kepada ahli keluarga sebenarnya boleh memberi impak psikologi dan emosi kepada seseorang itu terutamanya ahli keluarga akan berasa selamat, tenteram, dipunyai, diperlukan dan dihargai. Penzahiran kasih sayang mampu melahirkan insan berkualiti dan berkeperibadian mulia yang seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan keluarga bahagia.

Menerusi program bersama rakyat ini, MPSP berharap agar semua lapisan komuniti mengambil berat atau prihatin “caring” terhadap kalangan ahli keluarga kerana mereka layak mendapat kasih sayang tanpa mengira rupa fizikal, usia dan tahap intelek mereka.

Marilah kita berazam untuk meluangkan masa yang berkualiti bersama-sama dengan ahli keluarga kita yang tercinta. Dengan kata-kata itu, saya Sudah ucapan saya dengan serangkap pantun:-

Dari bugis ke api-api,
Singgah sebentar berekreasi,
Hidup berkeluarga kasih sejati,
Kasih tidak boleh ditukar ganti.

Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.